



MAHKAMAH TINGGI MALAYA,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR  
HIGH COURT OF MALAYA

Telefon: K.L. 2939011  
Teleks: HAKIM MA 33548  
Fax: 03-2932582

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh:

(83)dlm.JK/MA 38 Vol.IV

19 Jun 2001

Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Malaya

Timbalan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

Pegawai Penyelidik/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

**ARAHAN AMALAN BIL. 1/2001**  
**Penangguhan Pemakaian Aturan 25**  
**Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa hasil dari perbincangan dengan Y.A.-Y.A. Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi di Persidangan Tahunan Majlis Hakim-Hakim 2001 mengenai pemakaian Aturan 25 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Y.A.A. Hakim Besar Malaya telah mengambil maklum tentang keputusan mesyuarat yang telah bersetuju untuk menggantung pemakaian Aturan 25 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.
3. Sehubungan itu Y.A.A. Hakim Besar Malaya mengarahkan supaya pemakaian Aturan 25 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 digantung sehingga satu keputusan mengenai kajian terhadap aturan tersebut dibuat. Dengan penggantungan tersebut, ini bermakna Aturan 25 tidak lagi digunakan sebaliknya Aturan 34 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 hendaklah digunakan keseluruhannya di dalam pengurusan kes.
4. Bagi tujuan pemfailan notis untuk menghadiri pengurusan kes (*pre-trial case management*) Borang 63 yang baru hendaklah digunakan dan fee yang dikenakan bagi Borang 63 ialah sebanyak RM8.00 (Butiran 64 *Appendix B* Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980).
5. Semua Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Malaya dikehendaki tidak menerima pemfailan dokumen-dokumen di bawah Aturan 25 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 kecuali saman minta arahan yang berkaitan dengan pelelongan tanah di bawah seksyen 257 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Arahan Y.A.A. Hakim Besar Malaya ini adalah dibuat dalam menjalankan kuasa-kuasa di bawah Aturan 92 Kaedah 3B Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 setelah mendapat persetujuan Y.A.A. Ketua Hakim Negara dan berkuat kuasa mulai dari tarikh Arahan Amalan in dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah



( MAT ZARAAI BIN ALIAS )

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Kuala Lumpur

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi  
Jalan Gersik  
Petra Jaya  
93050 Kuching

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi  
Jalan Gersik  
Petra Jaya  
93050 Kuching



Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Majlis Peguam  
No.5 Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur